

UMS perkenal program baharu

KOTA KINABALU 26 Julai - Sekolah Informasi dan Kejuruteraan Teknologi Universiti Malaysia Sabah (UMS) apabila memperkenalkan program Sarjana dalam Kejuruteraan Minyak dan Gas pada tahun ini.

Penolong Pegawai Penerangan, Bahagian Perhubungan Korporat UMS, Salbinous Saribun berkata, sesi pengajian untuk program tersebut akan bermula September ini selama tiga semester.

“Dalam dua semester pertama, penuntut akan menghadapi kursus kerja manakala pada akhir semester mereka akan menjalani kursus dalam industri berkaitan,” katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Salbinous berkata, kursus berkenaan merupakan yang pertama diperkenalkan di institusi pengajian tinggi (IPT) di negara ini dan UMS adalah IPT keempat yang menawarkan program itu selepas Amerika Syarikat, Brazil dan Scotland.

Beliau berkata, tujuan program itu adalah untuk memenuhi tenaga kerja domestik dan global yang semakin meningkat dalam pengendalian operasi minyak dan gas.